

**TITAH UCAPAN D.Y.M.M. TUANKU PEMANGKU RAJA PERLIS
DI MAJLIS PELANCARAN PALAPES, PBSMM DAN PBK
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA
3 MAC 2005**

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, Saya panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Solallahu'alaihi wassalam serta keluarga dan sahabat-sahabat Baginda.

Hadirin sekalian,

2. Pertama sekali, Saya ucapkan terima kasih kepada Rektor dan seluruh warga Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia kerana sudi menjemput Saya dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis ke Majlis Pelancaran PALAPES, PBSMM dan PBK Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia pada pagi ini. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya kita dapat bersama-sama dalam majlis yang sungguh bermakna bagi staf dan pelajar-pelajar KUKUM. Sesungguhnya Saya merasa bangga dengan staf dan pelajar-pelajar KUKUM di atas inisiatif yang telah diambil bagi merealisasikan penubuhan pasukan berpakaian seragam, walaupun kolej universiti ini masih baru dari segi pembangunan fizikal dan rohaninya. Inisiatif yang

murni ini menggambarkan bahawa KUKUM amat serius dan prihatin dalam tindakan untuk menyemai dan menerapkan sifat berdisiplin dan bertanggungjawab dalam pembangunan insan di kalangan warganya. Tahniah dan syabas sekali lagi Saya ucapkan.

3. Tahniah dan syabas juga Saya ucapkan kepada semua anggota yang telah menyertai ataupun menjadi ahli pasukan-pasukan ini. Saya disebab maklum bahawa penubuhan ketiga-tiga pasukan berpakaian seragam dan persatuan sukarela ini amat memerlukan tahap disiplin yang tinggi di kalangan ahlinya. Saya berharap, walaupun ia merupakan aktiviti sukarela, semangat kental dan jatidiri serta disiplin yang tinggi pada diri semua ahli hendaklah sentiasa subur dan segar sepanjang masa. Tanpa disiplin dan jatidiri yang kukuh, amatlah sukar bagi mana-mana persatuan dan individu untuk berjaya dalam mencapai objektif yang yang ditetapkan.

Hadirin sekalian,

4. Keduanya, dalam usaha kita untuk membina masyarakat yang bertamadun, Saya ingin menasihatkan kepada pelajar-pelajar dan semua warga kerja KUKUM yang lain supaya merebut peluang yang disediakan ini dengan menyertai salah satu pasukan beruniform kerana ia banyak memberi manfaat dan ilmu kepada kita semua terutama sekali dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup dan ketamadunan selain dari memberi bantuan kepada pihak yang memerlukannya. Penubuhan pasukan sukarela di awal penubuhan KUKUM adalah tepat pada masanya kerana ia boleh bertindak sebagai perintis untuk melahirkan graduan serta tenaga manusia yang terlatih bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang kemasyarakatan di mana tenaga

mereka boleh digembangkan apabila negara memerlukan perkhidmatan mereka kelak. Saya juga berharap tenaga manusia yang bakal dihasilkan ini akan mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan menjadi pemimpin yang berkaliber serta mempunyai daya saing dan daya juang yang tinggi.

5. Ketiganya, dalam pendekatan kita untuk membentuk dan melahirkan graduan dan tenaga manusia yang berwibawa, aspek perubahan dan pembangunan insan membawa kepada ketamadunan hendaklah berlandaskan sistem nilai yang baik dan bermanfaat. Sistem nilai yang baik dan bermanfaat tidak boleh bercanggah dengan syariah serta tidak boleh bersifat paksaan kepada nilai baik yang diamalkan oleh masyarakat yang lain. Dalam hubungan ini, Saya ingin menyarankan bahawa jika pendekatan ini dapat dilaksanakan, ia bakal mengukuhkan lagi keyakinan dan persefahaman antara masyarakat majmuk yang terdapat di negara kita. Nilai ini amat penting supaya generasi muda memiliki adap yang tinggi, bersifat terbuka dan bersedia untuk belajar daripada orang lain serta sentiasa peka terhadap perkara-perkara yang sensitif. Pendekatan sedemikian dapat memberi asas nilai yang terpuji bagi membentuk generasi pelajar berilmu, berketrampilan, beramanah, adil dan tinggi nilai budi pekerti.

6. Keempat, dalam konteks pembangunan akademik, Saya amat berpuas hati dengan pencapaian pendidikan di Negeri Perlis. Pencapaian yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah amatlah membanggakan. Melihat kepada kemajuan pendidikan di negeri ini, Kerajaan Seri Padukan Ayananda Saya telah berjaya meletakkan landasan supaya Negeri Perlis dijadikan Negeri Ilmu. Kehadiran KUKUM, UiTM, Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis, Maktab

Perguruan Perlis, Politeknik Perlis, Institut Latihan Perindustrian dan Institut Kemahiran Belian Negara adalah sebagai pelengkap kepada konsep Negeri Ilmu di Negeri Perlis. Saya percaya infrastruktur pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan Seri Paduka Ayananda Saya dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan bukanlah untuk ditontoni oleh rakyat Perlis. Rakyat Perlis hendaklah mengambil peluang ini untuk memajukan diri sendiri dan keluarga dengan memasuki Institusi Pengajian Tinggi yang tersedia di negeri ini. Dalam hubungan ini, Saya ingin menasihatkan supaya seluruh rakyat negeri ini mananamkan sifat untuk terus belajar sepanjang hayat. Proses pembelajaran bukan sahaja tamat selepas kita mendapat segulung ijazah tetapi ianya berterusan hingga ke akhir hayat kita. Melalui konsep pembelajaran sepanjang hayat kita dapat mencipta kecemerlangan untuk bangsa, negara dan agama. Mendapat sesuatu kecemerlangan itu mudah, tetapi untuk mengekalkan kecemerlangan yang dicapai itu adalah sukar dan mencabar. Apakah strategi kita untuk mengekalkan kecemerlangan pendidikan yang telah kita dicapai melalui konsep Negeri Ilmu

Hadirin sekalian,

7. Kelima, adalah tidak tepat kecemerlangan pendidikan hanyanya terfokus kepada keputusan peperiksaan semata-mata. Pembentukan watak dan sahsiah pelajar kurang diberi perhatian. Justeru, perilaku pelajar dan disiplin mereka meleset. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar hendaklah dilatih supaya mempunyai sifat bertanggungjawab dengan disiplin yang tinggi. Program-program yang melibat pelajar perlu diperhebatkan dan dimantapkan dari masa kesemasa supaya keperluan dan masalah semasa dapat ditangani secara berkesan. Saya percaya program pasukan berpakaian seragam yang akan kita lancarkan sebentar lagi mampun untuk merubah situasi tersabut. Namun demikian,

siapakah yang harus dipertanggungjawabkan sekiranya pelajar-pelajar di peringkat Institusi Pengajian Tinggi bersikap tidak berdisiplin dan bertindak melampaui batasan undang-undang?

8. Dalam hubungan ini, Saya menyeru kepada semua ibu bapa, guru-guru, para pensyarah supaya terus memberi suntikan dan dorongan yang padu kepada para pelajar supaya mereka bukan sahaja berjaya dalam bidang pendidikan tetapi juga berjiwa mulia dan beradap sopan agar generasi muda masa hadapan dapat memperjuangkan kelangsungan hidup "Anak Malaysia" yang dinamik dan progresif sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membina bangsa dan negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Hadirin sekalian,

9. Sebagai mengakhiri titah ucapan, Saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar semua pelajar diberi kesempurnaan minda, emosi dan fizikal supaya dapat menamatkan pengajian dengan semangat serta keyakinan diri yang tinggi dan menempa kejayaan yang cemerlang. Kepada semua yang hadir di majlis ini, Saya berharap kita semua akan memberi segala sokongan dan kerjasama untuk menjayakan PALAPES, PBSMM dan PBK KUKUM dan konsep Negeri Ilmu di Negeri Perlis.

10. Akhir sekali, dengan lafaz, **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya melancarkan PALAPES, PBSMM DAN PBK Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia

Wabillahitaufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.